

PENGGUNAAN *DI MANA* DAN *YANG MANA* SEBAGAI KATA HUBUNG: ANALISIS LINGUISTIK KORPUS

Lam Kai Chee

kclam@cls.unimas.my

Pusat Pengajian Bahasa
Universiti Malaysia Sarawak

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji sejauh mana penulisan bahasa Melayu dipengaruhi bahasa Inggeris dengan pemfokusan terhadap kata *di mana* dan *yang mana* yang digunakan sebagai kata hubung. Korpus bagi kajian yang bersifat deskriptif ini terdiri daripada paparan berita dalam talian sebuah akhbar bahasa Melayu tempatan dari 1 Julai 2010 hingga 10 Julai 2010. Saiz korpus sekitar 350 ribu patah perkataan dan diproses menggunakan program konkordans *AntConc* versi 3.2.1w (Windows). Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kata *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung ditemui bertaburan dalam akhbar terutamanya dalam ruangan “artikel”. Penggunaan kata *di mana* sebagai kata hubung digunakan dengan lebih kerap lagi dalam ruangan utama. Pengguna bahasa Melayu secara umumnya cenderung menggunakan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung dan penggunaan ini semakin diterima umum. Turut diperhatikan kata *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung selalunya diikuti klausa bebas dan boleh didahului dengan tanda koma. Selain itu, kata *di mana* banyak digunakan sebagai kata hubung relatif yang merujuk aktiviti atau kejadian, konsep abstrak, tempat, masa, dan keadaan.

Kata kunci: *di mana*, *yang mana*, kata hubung, linguistik korpus, program konkordans, *AntConc*

Abstract

By focusing on the use of “di mana” and “yang mana” as conjunctions, this study aims to investigate the extent to which Malay writing has been influenced by English. The corpus for this descriptive study comprised online news reports of a local Malay newspaper from 1st July 2010 to 10th July 2010. The size of the corpus was around 350000 words. These were processed using the concordance program AntConc version 3.2.1w (Windows). This study shows that the use of “di mana” and “yang mana” as conjunctions in news report is ubiquitous, especially in articles; while “di mana” as a conjunction is used more frequently by reporters in the main columns. Malay speakers are generally more inclined to use “di mana” and “yang mana” as conjunctions, and the acceptance of this usage seems to be increasing. The findings also show that both “di mana” and “yang mana”, when used as conjunctions are frequently followed by an independent clause, and preceded by a comma. “Di mana” is mostly used as a relative conjunction referring to activities/incidents, abstract concepts, place, time, and conditions/situations.

Keywords: di mana, yang mana, connectors, linguistic corpus, AntConc concordance program

PENDAHULUAN

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang pesat berkembang. Seperti juga bahasa lain dalam dunia, perkembangan bahasa Melayu boleh berlaku secara dalaman dan juga secara luaran. Perkembangan secara dalaman termasuklah penciptaan istilah baharu, pinjaman lexis daripada bahasa serumpun dan peluasan medan semantik sesuatu perkataan disebabkan keperluan masa kini. Perkembangan secara luaran pula merujuk perubahan yang berlaku terhadap bahasa Melayu akibat pertembungan atau interaksi bahasa Melayu dengan bahasa lain.

Penerimaan pengaruh daripada bahasa lain sehingga menyebabkan sesuatu bahasa mengalami perubahan dalam sistem bahasa itu sendiri, contohnya perubahan pada peringkat fonologi atau morfologi, merupakan suatu perkara yang biasa berlaku. Sememangnya zaman ini tidak ada bahasa moden yang bebas sepenuhnya daripada pengaruh bahasa lain. Untuk kes bahasa Melayu masa kini, tidak dapat dinafikan bahawa pengaruh yang

paling besar datangnya daripada bahasa Inggeris. Penerimaan pengaruh bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu ada baik dan buruknya, bergantung pada setakat mana pengaruh itu menimbulkan impak yang positif atau negatif terhadap sistem bahasa Melayu itu sendiri. Dari segi penulisan misalnya, Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz (2007) membangkitkan isu seperti yang berikut:

Penulisan pada zaman ini dipengaruhi pendekatan tamadun yang lebih maju seperti Inggeris dan Arab. Esei-esei sebelum 1900 Masihi tidak menunjukkan pengaruh Inggeris yang ketara kerana memandangkan pengaruh asing ketika itu datang melalui perantaraan orang-orang India atau Arab sahaja. Maka, bentuk penulisan masih kemelayuan walaupun dari segi pendekatan lebih terbuka. Namun demikian, pada tahun 1930-an esei-esei yang dihasilkan lebih cenderung ke arah pemakaian kata dan ayat yang bersifat keinggerisan. Misalnya, penggunaan kata “di mana” dan “siapa” sebagai kata pengganti, mengikut kaedah tatabahasa Inggeris. (hlm. 97)

Selain itu, Zainal Abidin Ahmad (Za‘ba) (2000), Awang Sariyan (1996), Hamdan Abdul Rahman (1980), Adibah Amin (1983) dan banyak lagi sarjana yang mengkaji bahasa Melayu, dalam karya masing-masing menyentuh tentang pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu, terutamanya dari segi penulisan. Malahan, bagi Nik Safiah Karim (1980), kewujudan pengaruh bahasa Inggeris yang keterlaluan sehingga mengakibatkan penggunaan bahasa yang melanggar peraturan bahasa yang disebut sebagai pencemaran bahasa. Oleh itu, boleh dikatakan bahawa kewujudan pengaruh bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu sehingga berpotensi mengubah sistem bahasa Melayu bukannya sesuatu yang ingin dilihat oleh sarjana linguistik yang berfahaman preskriptif.

Ekoran daripada perbincangan tersebut, diperhatikan bahawa memang terdapat unsur bahasa Inggeris dalam penggunaan bahasa Melayu seharian. Bertitik tolak daripada isu yang dibawa oleh Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz (2007), didapati bahawa kata tanya *di mana* dan *yang mana* dalam bahasa Melayu banyak digunakan sebagai kata hubung (frasa relatif).

LAM KAI CHEE

Contohnya:

- 1(a) Pagi esoknya mereka tiba di London, *di mana* mereka membeli-belah sepuas hati.
- 1(b) Kami memenangi perlawanan itu dengan mudah, *yang mana* memeranjatkan para penonton.

(Adibah Amin, 1983)

- 1(c) Dunia baru *di mana* kita bersama-sama melakukan pekerjaan membangun.
- 1(d) Meja makan *yang mana* telah teratur makanan di atasnya.

(Badudu, 1981)

Ayat tersebut terjemahan daripada ayat bahasa Inggeris, iaitu:

- 2(a) *The next morning they arrived in London, where they shopped to their hearts' content.*
- 2(b) *We won the match easily, which startled the spectators.*

(Adibah Amin, 1983)

- 2(c) *The new world in which we all work together to build it up.*
- 2(d) *The dining table on which the dinner had already been laid.*

(Badudu, 1981)

Daripada perkataan, seperti *which* atau *where* dalam bahasa Inggeris, dikatakan muncul perkataan bahasa Melayu yang sepadan seperti *di mana* dan *yang mana*. Namun, memandangkan penggunaan *di mana* dan *yang mana* sedemikian sudah begitu biasa dalam kalangan penutur bahasa Melayu, adakah penggunaannya sebagai kata hubung sebenarnya betul-betul tidak diterima dalam kamus? Untuk menjawab soalan ini, takrif dan skop “kata tanya” dan “kata hubung” perlu diteliti terlebih dahulu.

KATA TANYA DAN KATA HUBUNG

Kedua-dua kata tanya dan kata hubung dikategorikan sebagai kata tugas. Kata tugas ialah perkataan yang tergolong dalam golongan kata yang bersifat pelbagai jenis atau heterogen, iaitu tidak boleh menjadi unsur inti bagi frasa ensosentrik: frasa nama, frasa kerja dan frasa adjektif (Nik Safiah Karim *et al.*, 2008). Dalam *Tatabahasa Dewan* Edisi Ketiga, kata tanya ditakrifkan sebagai:

... perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu, contohnya *mengapa, berapa, bila* dan *bagaimana*. Kata tanya hadir dalam ayat sebagai sebahagian daripada predikat ... ada tiga bentuk kata ganti nama yang digunakan juga sebagai kata tanya, iaitu *apa, siapa, dan mana* ...

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008: 255:56)

Kata tanya yang ditemui dalam buku tatabahasa ahli linguistik, seperti Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1994), Nik Safiah Karim (2007), Nik Safiah Karim *et al.* (2008), Asmah Haji Omar (2008), seperti *apa, siapa, mengapa, berapa, bagaimana, di mana, sejak bila, dari mana, ke mana, yang mana, sampai bila, dengan siapa, daripada siapa* dan seumpamanya.

Kata hubung pula merujuk:

... sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk. Terdapat dua jenis ayat majmuk yang terbentuk, iaitu ayat majmuk gabungan dan ayat majmuk pancangan. Ayat majmuk gabungan dihubungkan oleh kata hubung gabungan, manakala ayat majmuk pancangan dihubungkan oleh kata hubung pancangan.

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008: 251).

Kata hubung yang ditemui dalam buku tatabahasa ahli linguistik sama seperti yang disebutkan di atas adalah seperti *dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil, kemudian, yang, bahawa, untuk, kerana, agar, supaya, kendatipun, jika, apabila* dan seumpamanya tetapi tidak termasuk *di mana* dan *yang mana*.

DI MANA* DAN *YANG MANA

Untuk tujuan kajian ini, fokus hanya diberikan pada kata tanya *mana* yang didahulukan dengan (1) frasa sendi nama tanya *di* untuk membentuk *di mana*; dan (2) yang didahulukan dengan kata hubung pancangan relatif *yang* untuk membentuk *yang mana*.

Contoh ayat tanya yang boleh dibentuk oleh frasa sendi nama tanya *di mana* adalah seperti pada halaman 302.

LAM KAI CHEE

3 Tuan tinggal *di mana*?

4 *Di mana* pejabat awak?

(Nik Safiah Karim *et al.*, 2008; Nik Safiah Karim, 2007)

Frasa sendi nama tanya *di mana* hanya digunakan untuk pertanyaan tempat (Asmah Haji Omar, 1982). Contohnya seperti yang dihuraikan dalam *Kamus Dewan* Edisi Ketiga (2002) (selepas ini disebut sebagai *Kamus Dewan*):

perkataan yang digunakan untuk menanyakan tempat: *di [mana] sampai, di situlah bermalam; di [mana] ayahmu sekarang?; ... di [mana] mungkin (perlu) kalau mungkin (perlu)...*

Za'ba juga menyatakan bahawa:

... di mana ... hanya biasa dipakai pada dua perkara dalam bahasa Melayu: pertama bagi pertanyaan akan tempat yang tiada diketahui...; kedua bagi menyebut tempat yang tiada diketahui itu dengan sebutan umum, seperti ... barang di mana ada kemahuan di situ ada jalan... memakai ... “di mana” jadi penyambung ayat masih janggal lagi pada telinga Melayu (hlm. 578).

(Za'ba, 2000:578)

Yang mana menurut Asmah Haji Omar (1982) juga merupakan ganti nama tanya, iaitu kata yang menggantikan kata nama dalam pertanyaan. Contohnya:

Tuan hendak ambil *yang mana*?

(Asmah Haji Omar, 1982)

Za'ba (2000) pula, *yang mana* diulas seperti yang berikut:

Maksudnya bukan mengganti nama tempat, tetapi bagi menentukan mana satu daripada beberapa benda. Ia dipakai seperti pecahan-pecahan “mana” yang lain-lain itu juga, iaitu bagi pertanyaan dan bagi menyebut sesuatu barang yang hendak ditentukan itu dengan umum.

Misalnya bagi pertanyaan: “yang manakah rumah awak (dalam rumah banyak-banyak ini)? Pensel yang manakah awak suka?”

(Za’ba, 2000:578)

Ulasan Za’ba selari dengan penjelasan *yang mana* dalam *Kamus Dewan*, iaitu “kata yang digunakan untuk menanyakan benda dalam satu kumpulan (kelompok)” (hlm. 853).

Berdasarkan pendapat sarjana yang dikemukakan di atas, boleh dirumuskan bahawa *di mana* dan *yang mana* hanya boleh digunakan sebagai kata tanya dan bukannya kata hubung. Hal ini turut bermakna bahawa penggunaan kata tanya *di mana* dan *yang mana* untuk menggantikan maksud *which* atau *where* dalam bahasa Inggeris dilihat sebagai tidak mematuhi sistem nahu bahasa Melayu.

MASALAH KAJIAN

Meskipun penggunaan kata tanya *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung dalam ayat bahasa Melayu dikenal pasti sebagai kesalahan menurut persepsi ahli linguistik preskriptif, namun setakat ini tidak ditemui kajian yang menunjukkan keseriusan penyelewengan ini dilakukan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu. Dengan kata lain, tidak ada data konkrit yang dapat digunakan untuk menunjukkan betapa umumnya penyelewengan ini dilakukan. Pada masa yang sama, memandangkan penggunaan kata tanya *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung amat produktif dalam kalangan pengguna bahasa Melayu, timbul rasa ingin tahu pada pihak pengkaji berkenaan dengan trend penggunaan kedua-dua kata tanya ini oleh pengguna bahasa Melayu.

TUJUAN KAJIAN

Dengan memanfaatkan berita dalam talian sebuah akhbar Melayu tempatan, kajian yang bersifat deskriptif ini bertujuan untuk:

1. membandingkan dan menganalisis kekerapan penggunaan *di mana* dan *yang mana* masing-masing sebagai kata tanya dan kata hubung; ekoran daripada itu;
2. meninjau sama ada terdapat ruangan tertentu yang kerap menggunakan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung; dan
3. meninjau sama ada terdapat kolokasi *di mana* dan *yang mana* yang digunakan sebagai kata hubung.

KEPENTINGAN KAJIAN

Disebabkan penggunaan kata tanya *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung banyak dibincangkan tetapi jarang dipaparkan dalam data konkrit tentang sejauh mana fenomena penggunaan ini menular dalam kalangan pengguna bahasa Melayu, maka kajian ini diharapkan dapat menyumbang dan mengisi kekosongan aspek ini. Dengan adanya data sahih berdasarkan metodologi korpus linguistik, fenomena penggunaan kata tanya *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung dapat dilihat dengan jelas. Lantaran itu, dapatan kajian boleh dimanfaatkan oleh pihak perancang bahasa atau pembina kokurikulum bahasa Melayu pada peringkat sekolah supaya sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dapat menjadi lebih berkesan. Dalam masa yang sama, kajian ini boleh dijadikan rujukan oleh pengkaji pada masa akan datang yang berminat dalam kajian perkembangan bahasa Melayu, khasnya dalam konteks tempatan.

LINGUISTIK KORPUS

Korpus merujuk kumpulan besar teks tulisan ataupun transkripsi bahasa percakapan yang digunakan sebagai asas untuk analisis dan deskripsi linguistik (Kennedy, 2000:1). Dengan berkembangnya teknologi komputer, korpus masa kini banyak yang disimpan secara sistematik dalam bentuk elektronik, serta diproses menggunakan program komputer. Cara pengelolaan korpus sedemikian adalah lebih terjamin, selain memudahkan dan mempercepat analisis linguistik. Secara khususnya, analisis korpus dengan penggabungan ilmu linguistik oleh pihak pengkaji ini dikenali sebagai linguistik korpus (Kennedy, 2000).

Justeru, linguistik korpus tidak dilihat sebagai satu daripada cabang linguistik, tetapi merupakan satu metodologi (Su'ad Awab, 1999; Meyer, 2002) yang digunakan dalam kajian bahasa berpandukan data yang banyak. Oleh sebab metodologi ini bersumberkan bahasa tabii, pihak pengkaji bakal membuat interpretasi yang lebih tepat tentang penggunaan semasa sesuatu bahasa, khasnya apabila mereka berjaya mengesan sesetengah pola penggunaan bahasa yang berulang. Pada masa yang sama, interpretasi pengkaji juga mempunyai nilai kepercayaan yang tinggi kerana tidak berpandukan intuisi semata-mata.

KORPUS KAJIAN

Korpus kajian ini terdiri daripada paparan berita dalam talian daripada akhbar bahasa Melayu tempatan yang diambil dari 1 Julai 2010 hingga 10 Julai 2010. Akhbar dipilih sebagai sumber data kerana penggunaan bahasa penulisannya mewakili penggunaan bahasa penulisan kontemporari oleh pengguna bahasa secara am. Hampir kesemua ruangan dimasukkan sebagai data korpus, iaitu ruangan “nasional”, “artikel”, “wilayah”, “luar negara”, “hiburan”, “sukan”, “bisnes”, “pendidikan”, “sains”, “rekreasi”, dan “gaya hidup”. Walau bagaimanapun, gambar foto, ruangan “video” yang memuatkan data bukan tulisan (klip video) dan subruangan hiburan, iaitu “inti sari rancangan TV” yang hanya menyenaraikan tajuk rancangan stesen televisyen tidak dimasukkan sebagai data korpus kerana tidak berkenaan dengan tujuan kajian.

Kesemua data korpus diperoleh menerusi arkib akhbar dalam talian. Saiz korpus yang dikumpulkan dalam jangka masa 10 hari ini sekitar 350 ribu patah perkataan. Fail yang diperoleh daripada arkib disimpan dan dinamakan berdasarkan rumus yang berikut:

UM N₁-N₂ AB XYZ N₃

dengan UM = kod dalaman

N₁ = bulan berita dipaparkan

N₂ = tarikh berita dipaparkan

AB = 2 huruf terawal ruangan

XYZ = 3 huruf terawal subruangan

N₃ = paparan berita ke-n di bawah satu-satu subruangan

Contohnya:

Jadual 1 Contoh fail data korpus.

Nama fail	Pewakilan
UM 7-5 GA BIC 01	Paparan berita <u>pertama</u> untuk subruangan <u>B</u> ICara agama dalam ruangan <u>G</u> Aya hidup bagi tarikh <u>5</u> Julai
UM 7-8 SU 02	Paparan berita <u>kedua</u> untuk ruangan <u>S</u> ukan (tidak termasuk dalam mana-mana subruangan) bagi tarikh <u>8</u> Julai

(Sila rujuk lampiran untuk senarai singkatan yang digunakan.)

PEMROSESAN DATA

Data korpus diproses menggunakan program konkordans *AntConc* versi 3.2.1w (Windows). Untuk kajian ini, *AntConc* digunakan terlebih dahulu untuk mendapatkan baris konkordans bagi *di mana* dan *yang mana* seperti dalam Rajah 3.

takan permohonan saya gagal. Masalahnya, di mana letaknya Jaminan Kualiti JNJK? Temu di di janganlah perlakukan kami sebegini. 'Di mana Tiabalan Ketua Menteri I (Mansor Othman) si dipasang sepenuhnya (CEBU) dari Jerman di mana mereka boleh membuat penyesuaian ciri-ciri pada masyarakat atau undang-undang. Tetapi di mana pula si bapa yang berjaya menghilangkan isu-isu rakyat termasuk orang Melayu. "Di mana semangat kita, kenapa lesu? Adakah kita u apa lagi yang kurangnya pada Sepanyol? Di mana letaknya kelemahan mereka untuk diaman i Islam. Hanya ditinggalkan kosong. Jadi di mana datangnya kenyataan bahawa penggubal i perak@utusan.com.my IPOH 3 Julai ¶ Entah di mana hilangnya sifat kemanusiaan apabila se Islam. Apa yang tidak kena dengan Islam? Di mana kurangnya konsep Islam? Jelaskan. Say setiap kerusi yang dipertandingkan, maka di mana pula kita? Adakah Perlembagaan dapat i rangnyanya lihat saja jiran kita Singapura. Di mana orang-orang Melayunya? Kesemua perkara alam budaya China dan alam budaya India. Di mana terletaknyanya alam budaya ketiga-tiga bu u-Srivijaya. Bagi orang Cina dan India, di mana pula alam budaya mereka? Sudah tentu asih lagi berkiblatkan negara asal saya. Di mana kesetiaan saya kepada negara yang men nited Kingdom, maka akan terbongkar juga di mana dia berada? Orang yang banyak melepai u kasihan dengan mangsa-mangsa terbabit. Di mana sebenarnya silap kita semua? Isu mora

na Muda Komunikasi dengan kepujian yang mana saya juga adalah antara pemohon ju olongan industri hiburan tanah air yang mana kononnya terdapat 20 kekosongan di aing dengan pelajar cemerlang lain yang mana markah kokurikulum mereka lebih ti meniadakan masalah kepada kluster yang mana beberapa bantuan seperti dana yang terhadap Gloria Macapagal Arroyo, yang mana dalam tempoh sedekad pentadbiranny berdasarkan statistik tahun lalu, yang mana cuma 595 orang dilaporkan telah di karang ini, kita pun dah ada modul yang mana wang ini boleh bertahan dalam temp yi tersebut ialah anak Orang Utan, yang mana mata bulatnya mungkin berkata, bau lekoh. Lutut boleh mencecah jalan, yang mana sebelum ini tidak mungkin boleh di , ia lebih memihak kepada Selangor yang mana mereka menang 3-0 di Shah Alam pad nkan itu menjadi sedikit terbantut yang mana para peserta terpaksa menggunakan la sepak bagi kedua-dua negara ini yang mana pemain-pemain mereka ini mempunyai hadapan dalam permainan bola sepak yang mana boleh dikatakan menandingi pasukan i, permintaan saya adalah spesifik yang mana saya mahu dia kelihatan lebih perk uala Lumpur ialah seramai 22 orang yang mana tiga daripadanya berketurunan Indi an dalam menjaga ketenteraman awam yang mana berdasarkan rekod polis kedudukan na Minggu Perubahan Iklim YTL 2010 yang mana kali ini diadakan di pusat beli-be

Rajah 1 Baris konkordans *di mana* dan *yang mana*.

Bentuk *dimana* (tanpa dijarakkan) dilihat sebagai variasi *di mana* dan diambil kira dalam kajian ini. Gabungan abjad di sebelah kanan paparan program konkordans merujuk sumber korpus dalam bentuk nama fail. Seterusnya kekerapan penggunaan *di mana* dan *yang mana* masing-masing sebagai kata tanya dan kata hubung dibandingkan dan dianalisis. Selepas itu, fokus ditumpukan pada penggunaan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung sahaja. Ruangan yang kerap menggunakan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung dikenal pasti.

Seterusnya, kolokasi *di mana* dan *yang mana* yang digunakan sebagai kata hubung ditinjau untuk melihat sama ada terdapat pola yang biasa wujud bersama-sama dengan penggunaan *di mana* dan *yang mana*. Untuk tujuan ini, data korpus ditapis dahulu untuk memastikan hanya *di mana* dan *yang mana* yang digunakan sebagai kata hubung dikaji.

Dayapan dan Perbincangan

Pencarian baris konkordans untuk *di mana* (termasuk *dimana*) memaparkan jumlah baris konkordans sebanyak 153 baris. Jumlah ini bukanlah jumlah yang dikehendaki kerana meliputi baris konkordans yang mengandungi kata *di mana-mana* sebanyak 15 baris. Maka jumlah baris konkordans untuk kata *di mana* sahaja sebenarnya ialah 138 baris. Daripada jumlah ini pula, terdapat 31 baris yang penggunaan *di mananya* “menyebut tempat yang tiada diketahui itu dengan sebutan umum” (Za’ba, 2000), iaitu jenis penggunaan yang bukan menjadi tumpuan kajian ini,

skop tumpuan masing-masing. Namun entah di mana silapnya, kluster yang boleh dianggap gah .
 estasi Utama (KPI) ke atas mereka kerana di mana kita boleh berada selepas ini bergantung k
 perti ini penting kerana kita tidak tahu di mana Nisha berada dan ia dapat mengingatkan ora
 is tahu dengan siapa mereka berkawan atau di mana mereka selalu menghabiskan masa. "Ini sang
 belum ditetapkan. "Saya sedang memikirkan di mana hendak menempatkan murid-murid selepas kej
 ., sebarang bentuk pembangunan tidak kira di mana atau melibatkan sesiapa sekali pun sebole
 un sayugia diingatkan bahawa surau walau di mana sekalipun adalah satu tempat umat Islam be
 i laman sesawang masjid itu tanpa mengira di mana sahaja berada. Pada masa yang sama juga me
 l Julai - Denam Piala Dunia yang dirasai di mana sahaja kini hampir ke kemuncaknya dan apa
 setiap kali kempen derma darah dianjurkan di mana sahaja. "Ketika terbabit dengan kemalangan
 anyanya-tanya, dalam pada kita mencari-cari di mana Raja Petra, semalam kita lihat gambar Zaid
 dan rata-rata ada penaambahbaikan keadaan di mana sahaja saya membuat lavatan. "Kebanyakanny
 persediaan menghadapi Sukan Olimpik 2016 di mana golf buat pertama kali dipertandingkan. Unt
 tan menyertai empat kejohanan di Perancis di mana persaingannya lebih sengit berbanding di A
 s, tempat mencari rezeki juga tidak pasti di mana selepas ini. Ini kerana, pampasan sebanyak
 100 tahun itu akan berubah. Belum pasti di mana mereka akan tinggal dengan pampasan RM75,0
 ali pulang ke rumah, ayah mesti bertanya di mana kami semua berada dan kehilangan arwah sang
 i kira bera dengan rindihan dan marah-marah di mana bakaran kita. 10000 dinarlukan bagi mentan

Rajah 2 Baris konkordans *di mana*

Oleh itu jumlah baris konkordans mutlak untuk *di mana* bagi tujuan kajian ini ialah 107. Penggunaan *di mana* sebagai kata tanya ditunjukkan seperti pada halaman 308:

LAM KAI CHEE

takan permohonan saya gagal. Masalahnya, di mana letaknya Jaminan Kualiti JNJK? Temu di di janganlah perlakukan kami sebegini. "Di mana Timbalan Ketua Menteri I (Mansor Othman) si dipasang sepenuhnya (CBU) dari Jerman di mana mereka boleh membuat penyesuaian ciri-ciri da masyarakat atau undang-undang. Tetapi di mana pula si bapa yang berjaya menghilangkan isu-isu rakyat termasuk orang Melayu. "Di mana semangat kita, kenapa lesu? Adakah kita u apa lagi yang kurangnya pada Sepanyol? Di mana letaknya kelemahan mereka untuk dimani i Islam. Hanya ditinggalkan kosong. Jadi di mana datangnya kenyataan bahawa penggubal perakutusan.com.my IPOH 3 Julai 1 Entah di mana hilangnya sifat kemanusiaan apabila se Islam. Apa yang tidak kena dengan Islam? Di mana kurangnya konsep Islam? Jelaskan. Say setiap kerusi yang dipertandingkan, maka di mana pula kita? Adakah Perlembagaan dapat rangmya lihat saja jiran kita Singapura. Di mana orang-orang Melayunya? Kesemua perkaralam budaya China dan alam budaya India. Di mana terletaknya alam budaya ketiga-tiga buu-Srivijaya. Bagi orang Cina dan India, di mana pula alam budaya mereka? Sudah tentu, asih lagi berkiblatkan negara asal saya. Di mana kesetiaan saya kepada negara yang menited Kingdom, maka akan terbongkar juga di mana dia berada? Orang yang banyak melepau kashian dengan mangsa-mangsa terbahit. Di mana sebenarnya silap kita semua? Isu mora.

Rajah 3 *Di mana* sebagai kata tanya.

Paparan yang berikut pula menunjukkan penggunaan *di mana* sebagai kata hubung.

di ruang legar terdapat promosi nappy hour di mana set cadar dan sarung bantai bersaiz queen rbeza dengan pendidikan kelas-kelas tadika di mana mereka boleh belajar sambil bermain," kata dengan balai berlepas sepanjang 300 meter di mana para penumpang boleh bersua muka sebelum b an lavatan ke Pusat Pelawat Royal Selangor di mana mereka telah mempelajari sejarah syarikat lnya dijangka dijalankan pada pukul 8 pagi di mana sebuah jentolak turut dibawa untuk kerja-k taan Amerika di Kuala Lumpur baru-baru ini di mana sehelai bendera Israel dibakar. Beliau juga gan Hong Kong, Singapura dan Korea Selatan di mana kita hanya mampu duduk di tangga kedua pul ersi dipasang sepenuhnya (CBU) dari Jerman di mana mereka boleh membuat penyesuaian ciri-ciri ngan Litar Super itu adalah saringan kedua di mana lapan jentera terbaik daripada saringan pe bertepatan dengan konsep gagasan lMalaysia di mana setiap masyarakat dapat menikmati suasana l tidak berubah. Inilah juga kelebihan surau di mana perbezaan dapat diminimumkan, inilah juga l norma wanita bertudung di bandar sekarang di mana mereka menjadi diri sendiri agar penonton rama ini merupakan metafora yang digunakan di mana wanita-wanita ini sentiasa maju ke hadapan tumpahan minyak BP Plc di pantai Louisiana di mana sesetengah operasi terpaksa dihentikan. Hu emasa meninggalkan pusat tahanan Iagresen di mana prosiding tersebut berlangsung dalam kaval ung kepada kekosongan tanah di projek TPKH di mana mereka akan dipindahkan," kata beliau. Sem nelayan sepatutnya dijalankan pagi semalam di mana sebuah jentolak dibawa untuk kerja-kerja m tu Kategori Tunas Jiran dan Jiran Tetangga di mana masing-masing melibatkan penyertaan pemain face melalui pengalaman yang menyeronokkan di mana semua aksi itu akan dipertontonkan kepada l

Rajah 4 *Di mana* sebagai kata hubung.

Oleh itu, hasil pencarian baris konkordans untuk *di mana* adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Data konkordans untuk *di mana*.

Kata Kunci	Fungsi	Bilangan Baris Konkordans	Jumlah Baris Konkordans
<i>di mana</i>	Sebagai kata tanya	19	107
	Sebagai kata hubung	88	

Untuk *yang mana* pula, trend penggunaannya adalah begitu ketara sekali kerana hanya dua penggunaan yang menunjukkan *yang mana* sebagai kata tanya, sementara 43 baris konkordans yang selebihnya digunakan sebagai kata hubung.

Jadual 3 Data konkordans untuk *yang mana*.

Kata kunci	Fungsi	Bilangan Baris Konkordans	Jumlah Baris Konkordans
<i>yang mana</i>	Sebagai kata tanya	2	45
	Sebagai kata hubung	43	

Kedua-dua contoh penggunaan *yang mana* sebagai kata tanya ialah:

Melayu Ultra, Cina Ultra atau India Ultra, *yang mana* satu tuan pilih? Jawapan yang memang dijangka dan membuat pilihan terhadap peracohan *yang mana* untuk diteruskan. Bagaimanapun, Kamarul Hish

Contoh penggunaan *yang mana* sebagai kata hubung pula adalah seperti berikut:

ak kesejahteraan dalam menjaga ketenteraman awam *yang mana* berdasarkan rekod polis kedudukan jenayan di i Asia sepeca Minggu Perubahan Iklim YTL 2010 *yang mana* kali ini diadakan di pusat beli-belah Lot 10 mampu milik. Lebih-lebih lagi di Pulau Pinang *yang mana* kelompok usahawan buaiputera boleh dibilang itu juga dengan kepelbagaian produk perniagaan *yang mana* ketika ini usahawan buaiputera dan bukan bum meningkat 30.2 peratus kepada RM469.72 bilion *yang mana* eksport naik kepada RM263.03 bilion dan impo li menyerang mereka. "Tawaran perunding Jerman *yang mana* kami setuju supaya 1,000 tawanan dibebaskan. dipegang oleh Koperasi Permodalan Felda Berhad *yang mana* anggotanya adalah peneroka dan generasi baru saian seperti ini memerlukan dana yang banyak, *yang mana* saya cuba sedaya upaya mendapatkan peruntuka lam kerana membayangkan keadaan mereka di situ *yang mana* hampir 50 peratus daripada penghuni berada di . "Konsep sebelum ini menggunakan perundangan *yang mana* kita menangkap penagih, bawa ke mahkamah kem ya nelayan sepatutnya dijalankan pada hari itu *yang mana* sebuah jentolak dibawa untuk kerja-kerja mer terbaik untuk mendukung adalah 'gaya Estonia' *yang mana* pelari membawa pasangan secara terbalik. Tem ak terpengaruh dengan dakyah parti pembangkang *yang mana* banyak berita dan khabar angin yang tidak be Aplikasi B.Player turut tersedia dalam talian *yang mana* pengguna boleh melayari laman web www.astro. web membeli belah yang terbesar di negara ini *yang mana* perkhidmatannya menawarkan ruangan untuk sen isasi dan penstrukturan Lapangan Terbang Delhi *yang mana* dibangunkan di bawah kerjasama penstrukturan a erapa faktor termasuk takutkan rawatan susulan *yang mana* ia penting untuk membunuh sel barah. Sikap t u dibanding dengan sejarah Tanah Melayu dahulu *yang mana* bangsa Melayu merupakan bangsa yang kuat peg tuk produk ini perkara sebaliknya pula berlaku *yang mana* Panasonic akan memulakan penerbitan di Asia d kan semula JV Land kepada pembangunan kediaman *yang mana* telah memenangi siri kediaman berpagar dan p

Rajah 5 Konkordans *Yang mana* sebagai kata hubung.

Secara amnya kekerapan penggunaan *di mana* adalah lebih tinggi berbanding dengan *yang mana*. Namun, yang lebih penting ialah dapatan daripada baris konkordans menunjukkan bahawa penggunaan *di mana* dan *yang mana* sudah tidak dihadkan untuk fungsi pertanyaan semata-mata dalam konteks kontemporari. Malah, kedua-dua *di mana* dan *yang mana* lebih banyak digunakan sebagai kata hubung, iaitu masing-masing mencakupi 88 kemunculan (82.2 peratus daripada jumlah penggunaan) dan 43 kemunculan (95.6 peratus daripada jumlah penggunaan), sekurang-

kurangnya benar dalam korpus kajian ini. Yang boleh dikatakan tentang hasil pencarian baris konkordans ini ialah kata tanya *di mana* dan *yang mana*, yang pada asalnya kurang produktif kerana penggunaan asal yang terhad dalam ayat tanya sahaja nampaknya sudah menjadi begitu produktif setelah diberikan fungsi kata penghubung oleh pengguna bahasa Melayu. Namun demikian, perlu diberikan perhatian bahawa memandangkan penggunaan bahasa dalam akhbar sering dipaparkan kepada umum, maka penggunaan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung bakal mempengaruhi khalayaknya.

Dikupas dari segi ruangan yang menggunakan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung pula, pola yang berikut didapati:

Jadual 4 Bilangan konkordans untuk *di mana* dan *yang mana* berdasarkan ruangan.

Ruangan	Bilangan Baris Konkordans yang Mengandungi <i>di Mana</i> sebagai Kata Hubung	Bilangan Baris Konkordans yang Mengandungi <i>yang Mana</i> sebagai Kata Hubung
Artikel	20	15
Luar negara	16	5
Hiburan	14	0
Wilayah	10	4
Gaya hidup	9	3
Nasional	8	5
Bisnes	4	6
Sukan	3	2
Rekreasi	2	1
Sains	2	2
Jumlah baris konkordans	88	43

Satu trend yang menarik boleh diperhatikan, iaitu nampaknya ruangan “artikel” (yang terkandung di bawahnya “forum” dan “rencana” sebagai dua subruangan) memaparkan penggunaan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung dengan kekerapan tertinggi berbanding dengan ruangan lain. Jika diperincikan, enam daripada 20 penggunaan *di mana* sebagai kata hubung dalam ruangan artikel merupakan penulisan daripada dua penulis dalam dua teks berasingan, iaitu UM 7-6 AR REN 03 dan UM 7-9 AR.

terdapat promosi happy hour di mana set cadar dan sarung bantal
 dididikan kelas-kelas tadika di mana mereka boleh belajar sambil
 Singapura dan Korea Selatan di mana kita hanya mampu duduk di t:
 Inilah juga kelebihan surau di mana perbezaan dapat diminimumkan
 iti dengan betul dan tepat. Di mana penekanan berkaitan agama di
 h Estrada dan Gloria Arroyo di mana kedua-duanya dianggap sebagi
 h penerbit program E! News (di mana beliau turut mengacara progr
 hap kematangan yang berbeza di mana wanita mencapai tahap matang
 pemimpin D&P, Karpal Singh di mana beliau mahu Mursyidul Am Pa:
 daya Melayu atau Nusantara, di mana Malaysia salah sebuah negar:
 yang berlaku di negara ini, di mana 'mereka' berusaha meletakkan
 esuai untuk memberi ceramah di mana pesertanya turut terdiri dar
 ah di London, Brisbane atau di mana sahaja jika tiada pihak yang
 h yang maju menjelang 2020, di mana pembangunan modal insan mem:
 si konsep itu adalah tempat di mana orang ramai tinggal, bekerja
 berlaku dalam kes Perwaja, di mana keterangan saksi-saksi di lu
 bihan kepada pihak P.I Bala di mana beliau sudah tentunya akan r
 dan Kanun Tatacara Jenayah di mana peguam dibenarkan masuk sem:
 diikuti dengan sesi pertama di mana para sukarelawan misi flotil:
 patriarchal system (sistem di mana lelaki mempunyai kuasa penuh

Rajah 6 Konkordans *di mana*.

Meskipun begitu, majoriti penggunaan *di mana* sebagai kata hubung dalam ruangan artikel yang selebihnya tidak menampakkan pengulangan oleh penulis. Oleh itu, kesimpulan boleh dibuat bahawa ruangan artikel yang menjadi medan penyampaian idea oleh pengguna bahasa Melayu secara umumnya menunjukkan penggunaan *di mana* sebagai kata hubung sebagai suatu kebiasaan. Selain itu, wujudnya penggunaan *di mana* sebagai kata hubung dengan kekerapannya yang agak tinggi dalam ruangan yang ditulis oleh pemberita (contohnya ruangan “luar negara”, “hiburan”, dan “wilayah”) pula membawa implikasi bahawa penggunaan sedemikian bukan sesuatu yang terhad dalam kalangan orang awam sahaja, tetapi juga semakin lazim berlaku dalam kalangan pemberita yang dianggap mempunyai penguasaan bahasa yang baik. Di samping itu, perlu diberikan perhatian juga bahawa penggunaan sedemikian sememangnya wujud dengan kekerapan yang lebih tinggi dalam ruangan utama berbanding dengan ruangan lain seperti “sukan”, “rekreasi” dan “sains”. Satu daripada penjelasan kepada fenomena ini mungkin kerana dalam berita yang berbentuk deskriptif, rujukan kepada tempat diperlukan dengan lebih kerap. Namun, sebagai ruangan utama, bahasanya seharusnya sudah melalui proses penyuntingan. Oleh itu,

boleh dianggap bahawa pihak akhbar sudah menerima penggunaan *di mana* sebagai kata hubung dalam paparan berita.

Keadaan yang serupa juga dikesan untuk penggunaan *yang mana* sebagai kata hubung. Ruangan “artikel” tetap mempunyai kekerapan penggunaan *yang mana* sebagai kata hubung yang tertinggi. Walau bagaimanapun, didapati bahawa penggunaan sebegini kurang produktif jika dibandingkan secara relatif dengan *di mana*.

Secara keseluruhannya, penggunaan kedua-dua kata *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung bertaburan dalam ruangan akhbar terutamanya pada ruangan “artikel”, dengan *di mana* sebagai kata hubung digunakan dengan lebih kerap lagi dalam ruangan utama.

Kajian ini juga cuba meninjau sama ada terdapat kolokasi untuk *di mana* dan *yang mana* yang digunakan sebagai kata hubung. Untuk tujuan ini, data korpus ditapis dahulu untuk memastikan hanya *di mana* dan *yang mana* yang digunakan sebagai kata hubung sahaja dikaji. Walau bagaimanapun, hasil penapisan memulangkan hanya 76 baris konkordans (berbanding dengan jumlah asal sebanyak 88 baris konkordans) yang mengandungi *di mana* sebagai kata hubung. Kekurangan 12 baris konkordans ini disebabkan terdapat kes penggunaan *di mana* sebagai “kata tanya”, “rujukan tempat yang tiada diketahui dengan sebutan umum” dan “kata hubung” hadir dalam paparan berita yang sama.

Hasil pencarian menunjukkan bahawa tidak ada kolokasi bagi perkataan yang paling hampir dengan *di mana/ yang mana*, sama ada di sebelah kiri ataupun kanan. Apabila pencarian diperluas kepada lima perkataan sebelah kiri yang paling hampir dengan *di mana/ yang mana*, dan lima perkataan sebelah kanan yang paling hampir dengan *di mana/ yang mana*, hasil yang berikut didapati:

Jadual 5 Kolokasi lima perkataan sebelah kiri-kanan (K1-K2).

Kolokasi lima perkataan sebelah kiri-kanan yang paling hampir dengan *di mana*

Frek.(K1)	Frek.(K2)	Kolokasi
12	2	di
2	76	mana
4	11	akan
10	4	yang
9	4	dan
1	8	mereka
7	0	ke
4	3	ini
0	7	dia
2	5	boleh
4	2	itu
5	1	dengan
3	2	sebagai
2	3	saya
5	0	kepada

Kolokasi lima perkataan sebelah kiri-kanan yang paling hampir dengan *yang mana*

Frek.(K1)	Frek.(K2)	Kolokasi
2	0	yang
0	43	mana
5	6	ini
4	4	di
5	1	kepada
2	4	boleh
2	3	mereka
5	0	dengan
3	2	dan
4	1	dalam

Boleh disimpulkan bahawa kebanyakan kolokasi untuk kedua-dua kata *di mana* dan *yang mana* terdiri daripada kata tugas. Ganti nama diri ketiga, iaitu “mereka” merupakan satu-satunya ganti nama diri yang berkolokasi dengan kedua-dua kata *di mana* dan *yang mana*. Meskipun begitu, disebabkan kekerapannya yang rendah, adalah tidak wajar pemerhatian berkenaan dengan ganti nama diri ini digeneralisasikan. Pencarian kolokasi yang tidak menunjukkan pola yang ketara difikirkan berpunca daripada saiz korpus yang masih kecil secara relatif jika dibandingkan dengan korpus standard yang berjumlah jutaan perkataan. Selain itu, sifat butir kata kunci yang bukan kata isi (*content word*) juga mungkin menyumbang kepada kerumitan mengenal pasti pola.

Walaupun pencarian kolokasi tidak memulangkan pola yang ketara, namun melalui pemerhatian koligasi (*colligation*), beberapa dapatan masih boleh diperoleh. Antaranya adalah seperti yang berikut:

1. *Di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung selalunya diikuti oleh klausa bebas. Menurut Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji

Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008), takrif “klausa” dan “klausa bebas” masing-masing ialah:

Klausa ialah satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi subjek dan predikat, yang menjadi konstituen kepada ayat... Klausa bebas ialah klausa yang dapat berdiri sendiri dan bersifat sebagai ayat lengkap apabila diucapkan dengan intonasi yang sempurna. (hlm. 433)

Ciri ini tidak dimiliki oleh *di mana* dan *yang mana* sebagai kata tanya. Contoh penggunaan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung yang diikuti oleh klausa bebas adalah seperti yang berikut:

an Amerika di Kuala Lumpur baru-baru ini di mana sehelai bendera Israel dibakar. Beliau juga me
an Hong Kong, Singapura dan Korea Selatan di mana kita hanya mampu duduk di tangga kedua puluhan s
rsi dipasang sepenuhnya (CBU) dari Jerman di mana mereka boleh membuat penyesuaian ciri-ciri pada k
gan Litar Super itu adalah saringan kedua di mana lapan jentera terbaik daripada saringan pertama
ertepatan dengan konsep gagasan Malaysia di mana setiap masyarakat dapat menikmati suasana kehija
norma wanita bertudung di bandar sekarang di mana mereka menjadi diri sendiri agar penonton tidak
ama ini merupakan metafora yang digunakan di mana wanita-wanita ini sentiasa maju kehadapan walau
umpahan minyak BP Plc di pantai Louisiana di mana sesetengah operasi terpaksa dihentikan. Hujan ds
masa meninggalkan pusat tahanan Taigresen di mana prosiding tersebut berlangsung dalam kawalan kes
ng kepada kekosongan tanah di projek TPKM di mana mereka akan dipindahkan,” kata beliau. Sementara
elayan sepatutnya dijalankan pagi semalam di mana sebuah jentolak dibawa untuk kerja-kerja meroboh
ace melalui pengalaman yang menyeronokkan di mana semua aksi itu akan dipertontonkan kepada para p
ujarnya. Dia merujuk kepada Diseber lalu di mana pertukaran tawanan yang dikendalikan oleh seorag
gganas tidak boleh pulang ke Tebing Barat di mana mereka boleh menyambung serangan ke atas rakyat
ubuhkan itu nanti sebagai satu profesion, di mana DPIM sedia bekerjasama dengan universiti bagi me
persediaan menghadapi Sukan Olimpik 2016 di mana golf buat pertama kali dipertandingkan. Untuk ka
kan menyertai empat kejohanan di Perancis di mana persaingannya lebih sengit berbanding di Asia. '

erang mereka. "Tawaran perunding Jerman yang mana kami setuju supaya 1,000 tawanan dibebaskan. Inil
g oleh Koperasi Permodalan Felda Berhad yang mana anggotanya adalah peneroka dan generasi baru Felc
eperti ini memerlukan dana yang banyak, yang mana saya cuba sedaya upaya mendapatkan peruntukan set
ana membayangkan keadaan mereka di situ yang mana hampir 50 peratus daripada penghuni berada dalam
sep sebelum ini menggunakan perundangan yang mana kita menangkap penagih, bawa ke mahkamah kemudi
yan sepatutnya dijalankan pada hari itu yang mana sebuah jentolak dibawa untuk kerja-kerja meroboh
k untuk mendukung adalah 'gaya Estonia' yang mana pelari membawa pasangan secara terbalik. Tempat k
engaruh dengan dakwah parti pembangkang yang mana banyak berita dan khabar angin yang tidak berasas
si B.Player turut tersedia dalam talian yang mana pengguna boleh melayari laman web www.astro.com.k
mbeli belah yang terbesar di negara ini yang mana perkhidmatannya menawarkan ruangan untuk mengikla
an penstrukturan Lapangan Terbang Delhi yang mana dibangunkan di bawah kerjasama penswastan awam
aktor termasuk takutkan rawatan susulan yang mana ia penting untuk membunuh sel barah. Sikap tersek
ding dengan sejarah Tanah Melayu dahulu yang mana bangsa Melayu merupakan bangsa yang kuat pegang
duk ini perkara sebaliknya pula berlaku yang mana Panasonic akan memulakan pemasaran di Asia dan ke

Rajah 7 Konkordans *di mana* dan *yang mana*.

2. *Di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung boleh didahului dengan tanda koma. Ciri ini dilihat memaparkan pengaruh bahasa Inggeris kerana tidak menjadi kebiasaan bagi kata hubung bahasa Melayu didahului oleh tanda koma.

n ditubuhkan itu nanti sebagai satu profesion, di mana UPIN sedia bekerjasama dengan universiti bagi agai anak seni, Salah satunya adalah peluang, di mana tak semua orang dapat. Dan mencuba sesuatu yang episod akhir rancangan realiti American Idol, di mana dia menyanyikan lagu rock klasik seperti Agai: erbangan komersial seperti Mumbai dan Kolkata, di mana penunjuk perasaan menyerang bus, membina hala: upakan ibu negeri Karnataka yang dikuasai BJP, di mana ratusan firma perisian termasuk firma gergasi l di tepi Dataran Rakyat di tengah bandar ini, di mana rusuhan tercetus tahun lalu. "Keadaan boleh d aki anggota pergerakan Baju Merah ke Thailand, di mana mereka akan didakwa terlibat dalam percubaan : am diploma itu mengambil tempoh tiga semester, di mana para pelajar akan berada di Politeknik Sultan pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara, di mana program tersebut menggalakkan pelajar menjadi ntuk menjadi wilayah yang maju menjelang 2020, di mana pembangunan modal insan memainkan peranan pen tanah kelahiran di Jamaica ke Toronto, Kanada, di mana dia dibesarkan dan seterusnya menerima Islam ; mengimbau apa yang berlaku dalam kes Perwaja, di mana keterangan saksi-saksi di luar negara tidak d dalam keadaan berjaga-jaga di ibu negara ini, di mana penganut Syiah dari seluruh Iraq berhimpun di sejak 1996 dan mengikuti Osama ke Afghanistan, di mana dia bekerja sebagai tukang masak di satu kava olf Piala Dunia ke-45 di gelanggang yang sama, di mana dia muncul juara. Woods, 34, antara nama bes

n pedas terhadap Gloria Macapagal Arroyo, yang mana dalam tempoh sedekad pentadbirannya dicemari dak erkata, berdasarkan statistik tahun lalu, yang mana cuma 595 orang dilaporkan telah dijangkiti demam cuma bayi tersebut ialah anak Orang Utan, yang mana mata bulatnya mungkin berkata, bawalah saya pula: mbil selekoh. Lutut boleh mencecah jalan, yang mana sebelum ini tidak mungkin boleh dilakukan dengan seperti ini memerlukan dana yang banyak, yang mana saya cuba sedaya upaya mendapatkan peruntukan se skan pengetahuan, inovasi dan kreativiti, yang mana ia menyediakan para graduan baru dan pencari ker

Rajah 8 Konkordans *di mana* dan *yang mana*.

3. *Di mana* diperhatikan banyak berfungsi sebagai kata hubung relatif yang merujuk (tetapi tidak terhad) kepada:
 - (a) aktiviti/kejadian, contohnya
 - ... lawatan ke Pusat Pelawat Royal Selangor *di mana* mereka telah mempelajari... (aktiviti)
 - ... mengawal tumpahan minyak BP Pic di pantai Louisiana *di mana* sesetengah operasi terpaksa dihentikan. (kejadian)
 - (b) konsep abstrak, contohnya
 - ... bertepatan dengan konsep gagasan 1Malaysia *di mana* setiap masyarakat dapat..
 - ... tajuk drama ini merupakan metafora yang digunakan *di mana* wanita-wanita ini...
 - (c) tempat, contohnya
 - ... sudut di ruang legar terdapat promosi *happy hour di mana* set cadar dan sarung bantal bersaiz *queen*...
 - ... balai berlepas sepanjang 300 meter *di mana* para penumpang boleh bersua muka...
 - (d) masa, contohnya
 - Dia merujuk kepada Disember lalu *di mana* pertukaran tawanan yang dikendalikan...

... dijangka dijalankan pada pukul 8 pagi *di mana* sebuah jentolak turut dibawa...

(e) keadaan/situasi, contohnya

... bergantung kepada kekosongan tanah di projek TPKM *di mana* mereka akan dipindahkan... (keadaan)

... berbeza dengan pendidikan kelas-kelas tadika *di mana* mereka boleh belajar... (situasi)

Antara contoh rujukan *di mana* adalah seperti dalam paparan yang berikut:

terdapat promosi happy hour *di mana* set cadar dan sarung bantal pendidikan kelas-kelas tadika *di mana* mereka boleh belajar sambil Singapura dan Korea Selatan *di mana* kita hanya mampu duduk di t Inilah juga kelebihan surau *di mana* perbezaan dapat diminimumkan iti dengan betul dan tepat. *Di mana* penekanan berkaitan agama *di h* Estrada dan Gloria Arroyo *di mana* kedua-duanya dianggap sebagai h penerbit program E! News (*di mana* beliau turut mengacara program kematangan yang berbeza *di mana* wanita mencapai tahap matang pemimpin DAP, Karpal Singh *di mana* beliau mahu Mursyidul Am Pas: daya Melayu atau Nusantara, *di mana* Malaysia salah sebuah negara: yang berlaku *di* negara ini, *di mana* 'mereka' berusaha meletakkan esuai untuk memberi ceramah *di mana* pesertanya turut terdiri dari ah *di* London, Brisbane atau *di mana* sahaja jika tiada pihak yang h yang maju menjelang 2020, *di mana* pembangunan modal insan mema: si konsep itu adalah tempat *di mana* orang ramai tinggal, bekerja: berlaku dalam kes Perwaja, *di mana* keterangan saksi-saksi *di* l: bihan kepada pihak P.I Bala *di mana* beliau sudah tentunya akan r: dan Kanun Tatacara Jenayah *di mana* peguam dibenarkan masuk sem:

Rajah 9 Konkordans *di mana*.

KESIMPULAN

Bahasa Melayu kontemporari banyak menerima pengaruh daripada bahasa Inggeris. Kajian ini bertujuan mengupas sejauh mana penulisan bahasa Melayu dipengaruhi oleh bahasa Inggeris dengan memfokuskan perkataan *di mana* dan *yang mana* yang digunakan sebagai kata hubung. Penggunaan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung dikatakan membawa makna *which* atau *where* dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, penggunaan sedemikian menyeleweng dari segi nahu bahasa Melayu oleh sarjana preskriptif. Dalam *Kamus Dewan*, *di mana* dan *yang mana* tidak mempunyai fungsi sebagai kata hubung.

Dalam kajian ini, sebanyak 88 kemunculan (82.2 peratus) daripada 107 jumlah penggunaan *di mana* sebagai kata hubung dan 43 kemunculan (95.6 peratus) daripada 45 jumlah penggunaan *yang mana* sebagai kata hubung dikesan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan *di mana* dan *yang mana* yang digunakan dalam akhbar sekarang menjurus kepada penggunaan yang tidak disarankan dalam *Kamus Dewan*. Malah dapatan kajian yang kedua menunjukkan bahawa pengguna bahasa Melayu secara umumnya cenderung menggunakan perkataan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung. Penggunaan ini semakin diterima oleh akhbar yang berperanan sebagai wakil pengguna bahasa Melayu yang utama dalam media cetak. Trend penggunaan ini nampaknya begitu ketara sehingga tidak boleh dibiarkan begitu sahaja oleh pihak perancang bahasa.

Demi mengupas lebih mendalam berkenaan dengan fenomena penggunaan yang sedemikian, kajian ini cuba melihat sama ada terdapat kolokasi untuk perkataan *di mana* dan *yang mana* yang digunakan sebagai kata hubung. Namun, disebabkan kekangan saiz korpus yang kecil secara relatif, tidak terdapat pola kolokasi yang jelas dapat dikesan. Untuk menjalankan kajian korpus linguistik, saiz korpus merupakan salah satu faktor penentu yang penting dalam meraih dapatan yang lebih komprehensif. Sebagai dapatan sampingan, kajian ini mengesan beberapa sifat penggunaan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung menerusi pemerhatian koligasi.

Melalui penggunaan metodologi korpus linguistik, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat penggunaan *di mana* dan *yang mana* sebagai kata hubung, iaitu penggunaan yang tidak tercatat dalam *Kamus Dewan*. Dengan kata lain, penggunaan bahasa telah berubah. Sekiranya kajian ini diulangi dengan saiz korpus yang lebih besar, berkemungkinan dapatan yang lebih kukuh boleh didapati. Walaupun linguistik preskriptif tidak mengiktiraf penggunaan sedemikian, namun jika dilihat dari segi linguistik deskriptif, penggunaan yang memang sudah wujud bahkan digunakan dengan begitu produktif harus diambil kira dalam proses perancangan bahasa.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada penaja Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam menjayakan penghasilan makalah ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd., 1994. *Tatabahasa Dinamika*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Adibah Amin, 1983. *Silap tu sayang*. Malaysia: Berita Publishing.
- Asmah Haji Omar, 1982. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Awang Sariyan, 1996. "Pengaruh Sintaksis Bahasa Inggeris dalam Bahasa Melayu dengan Rujukan Khusus kepada Laras Bahasa Ilmiah" dlm. Nik Safiah Karim (ed.), *Unsur Bahasa Asing dalam Bahasa Melayu*, hlm. 65-86. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Badudu, J.S., 1981. *Pelik-pelik Bahasa Indonesia*. Bandung: CV Pustaka Prima.
- Kamus Dewan*, 2002. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamdan Abdul Rahman. "Pengajaran Tatabahasa, Hakikat yang Wujud di Sekolah-sekolah" dlm. *Dewan Bahasa*, 24, 35-48, 1980.
- Kennedy, G., 2000. *An Introduction to Corpus Linguistics*. Beijing: Waiyu Jiaoxue yu Yanjiu Chubanshe.
- Meyer, C.F., 2002. *English Corpus Linguistics: An Introduction*. UK: Cambridge University Press.
- Mohamed Pitchay Gani bin Mohamed Abdul Aziz, 2007. *Evolusi Bahasa Melayu 2000 Tahun*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood, 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. "Pencemaran Bahasa Malaysia dan Kesannya terhadap Pengajaran Bahasa Malaysia" dlm. *Dewan Bahasa*, 24, 9-21, 1980.
- Nik Safiah Karim, 2007. *Liku-liku Bahasa*. Shah Alam: 'K' Publishing Sdn. Bhd.
- Su'ad Awab, 1999. "Multi-Word Units in a Corpus-Based Study of MoU: Modal Multi-Word Units". Tesis Ph.D. UK: Lancaster University.
- Za'ba, 2000. *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III*. Edisi Baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

LAMPIRAN

Senarai Singkatan yang Digunakan untuk Ruangan dan Subruangan

Singkatan	Ruangan/Subruangan
NA TER BER DAL POL PAR JEN MAH	Nasional <ul style="list-style-type: none"> • Terkini • Berita utama • Dalam negeri • Politik • Parlimen • Jenayah • Mahkamah
AR REN FOR	Artikel <ul style="list-style-type: none"> • Rencana • Forum
WI KOT SEL JOH UTA TIM PAH SAB	Wilayah <ul style="list-style-type: none"> • Kota • Selatan • Johor • Utara • Timur • Pahang • Sabah dan Sarawak
LU	Luar negara
HI	Hiburan
SU REN	Sukan <ul style="list-style-type: none"> • Rencana sukan

LAM KAI CHEE

Sambungan Jadual Lampiran

BI EKO KOR AGR	Bisnes <ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi • Korporat • Agrobiz
PE SAS KAM	Pendididikan <ul style="list-style-type: none"> • Sastera • Kampus
SA SAI MEG KES	Sains <ul style="list-style-type: none"> • Sains dan Teknologi • Megabait • Kesihatan
RE PEM PEL	Rekreasi <ul style="list-style-type: none"> • Pemotoran • Pelancongan
GA FEM KEL KES BIC POL	Gaya hidup <ul style="list-style-type: none"> • Feminin • Keluarga • Kesihatan • Bicara agama • Polis dan tentera